

# MTUC minta jangan tutup sektor ekonomi

Berita Harian · 10 May 2021 · 1 · Oleh Saiful Haizan Hasam dan Mohd Iskandar Ibrahim bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta membenarkan sektor ekonomi terus beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di beberapa negeri dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan jelas.



Pemangku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata operasi sektor lain seperti pendidikan, sosial dan keagamaan boleh dihadkan buat sementara waktu sehingga keadaan pulih.

Katanya, jika aktiviti sektor lain dapat dikawal, pergerakan pekerja sektor ekonomi tidak akan bercampur dengan mereka yang tidak berkaitan, sekali gus mengurangkan risiko jangkitan. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas unjuran Kementerian Kesihatan (KKM) jangkitan COVID-19 boleh mencecah lebih 5,000 kes hujung bulan ini, selain ada desakan supaya kerajaan melaksanakan PKP secara menyeluruh untuk mengawal penularan wabak itu.

Mohd Effendy berkata, impak PKP pertama pada Mac tahun lalu menyebabkan ramai kehilangan kerja, pekerja tidak dibayar gaji dan terpaksa mengambil cuti.

“Keadaan ini masih berlarutan. MTUC terima laporan ada majikan sudah tiga bulan tidak bayar gaji pekerja mereka... sampai hari ini masih berlaku. Kalau dibiarkan, habislah tutup terus semua syarikat-syarikat ini.

Sektor ekonomi mikro perlu diberi tumpuan khas

“Tiada syarikat tiadalah pekerja. Berapa lama lagi kerajaan mampu menanggung kita, selain dengan ikhtiar sendiri,” katanya kepada BH.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata negara perlu mencapai keseimbangan di antara kepentingan kesihatan dan ekonomi serta kesihatan dan sosial dalam melaksanakan strategi kawalan pergerakan.

Noor Hisham mengakui adalah sangat mencabar untuk mencapai keseimbangan kerana kesihatan dan ekonomi adalah sama penting.

Berikutan itu, beliau memberi amaran tempoh dua hingga empat minggu akan datang waktu paling kritikal bagi memastikan rantai jangkitan COVID-19 dapat dikawal dan mengelak sistem kesihatan negara lumpuh.

Ketika PKP Mac tahun lalu, apabila semua sektor termasuk ekonomi ditutup, negara mengalami kerugian RM2.4 bilion setiap hari dengan pengangguran meningkat kepada hampir 800,000 orang.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata kerajaan wajar memberi tumpuan khas kepada operasi sektor ekonomi, khususnya peringkat mikro.

Katanya, golongan penjaja, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sektor peruncitan dan pelancongan yang memberikan sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kini berdepan dengan kesulitan

“Sejak PKP terbaharu dilaksanakan di beberapa negeri sejak minggu lalu, masih belum ada program bantuan langsung dari kerajaan memandangkan ramai peniaga kecil yang bergantung kepada bazar Ramadan dan Aidilfitri kini kehilangan pendapatan.

“Apatah lagi bagi mereka yang melabur dalam modal pusingan untuk jualan semasa yang mengalami kerugian besar,” katanya.

Secara makro pula, Aimi Zulhazmi berkata, ekonomi negara kini dalam fasa pemulihan dengan laporan statistik yang positif untuk indeks pengeluaran serta jumlah eksport yang tinggi.

“Ini disumbangkan peningkatan permintaan kepada semikonduktor, sarung tangan serta kenaikan harga minyak sawit dan minyak mentah, sekali gus menjadi petanda yang baik ke arah pemulihan ekonomi walaupun negara terpaksa melalui beberapa fasa PKP.

“Kerajaan perlu merangka langkah jangka panjang bagi setiap sektor ekonomi kerana pandemik COVID-19 tidak akan berakhir dengan cepat.

“Mencari keseimbangan antara keperluan kesihatan dan ekonomi sewaktu COVID-19 mengganas sememangnya sukar kerana tiada siapa yang tahu bagaimana cara terbaik menguruskannya,” katanya.

Sementara itu, beberapa pihak lain mahu masyarakat memainkan peranan dan tanggungjawab sosial mereka dengan mematuhi semua SOP ditetapkan KKM bagi menangani pandemik itu.

Bagi mereka kenyataan Dr Noor Hisham jelas memberi gambaran yang bakal menimpa negara jika tiada tindakan drastik diambil bagi mengawal kadar jangkitan.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye, mencadangkan supaya rakyat melaksanakan perintah berkurung secara sukarela selama dua minggu sekali gus membantu melandaikan lengkung penularan selain membantu pihak berkuasa kesihatan menangani wabak itu.

Katanya, walaupun negara berdepan situasi yang tidak pernah dialami sebelum ini, masih ramai yang tidak mematuhi SOP asas seperti memakai pelitup muka, tidak membasuh tangan serta penjarakan fizikal.

“Semua rakyat harus bersatu, melaksanakan perkara yang betul. Jangan anjur dan hadir perhimpunan sosial, perjumpaan berkaitan agama, selain tutup bazar, sekolah dan sebagainya. Kita boleh membantu dengan duduk di rumah, makan di rumah, bekerja dari rumah,” katanya dalam kenyataan semalam.

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, pula berkata hanya pematuhan SOP berupaya membantu negara mengurangkan dan menghentikan jangkitan wabak yang mengancam

seluruh dunia.

“Bagi saya, kita sendiri perlu prihatin untuk menjaga kesihatan. Jangan memudaratkan lagi keadaan. Tolonglah patuh kerana jika kita gagal, wabak ini akan terus menghantui kita.

“Jangan apa yang kerajaan buat, kita kata semua tidak betul kerana apa yang kerajaan lakukan adalah untuk menjaga kesihatan dan keselamatan semua orang,” katanya.

Pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata masyarakat perlu menerapkan dalam fikiran mereka bahawa pematuhan SOP bertujuan melindungi diri dan keluarga, bukan disebabkan risau dikompaun.

“Memang ada orang kata mati itu pasti, tapi kita perlu fikir jika mati disebabkan kejadian tidak diundang, contoh serangan jantung dan kemalangan, itu memang tidak dapat dijangka, namun sekiranya mati disebabkan COVID-19 yang sebenarnya boleh dielakkan melalui pematuhan SOP, macam tidak berbaloi langsung,” katanya.

Dr Hanafiah berkata, ‘kunci’ bagi menghentikan pandemik itu walau sekuat mana versi virusnya adalah masyarakat benar-benar mematuhi SOP pada setiap masa.